



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 24 Mac 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Pelan Tindakan Warga Emas Negara Dikaji Semula – Nancy</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080798/pelan-tindakan-warga-emas-negara-dikaji-semula-nancy</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/03/pelan-tindakan-warga-emas-negara-dikaji-semula-nancy/</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/434381</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelan-tindakan-warga-emas-disemak-semula-nancy-412165?amp=1</p> <p>https://bernama.com/en/general/news.php?id=2175646</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Edisi 9</p> <p>The Malaysia Insight</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

	<p>https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/23/national-action-plan-for-senior-citizens-being-reviewed-says-minister/61136</p> <p>https://www.theedgemarkets.com/node/660403</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2175636</p> <p>https://newswav.com/article/nancy-shukri-action-plan-for-the-elderly-being-reviewed-A2303_av5McT</p> <p>https://www.newsarawaktribune.com.my/action-plan-for-senior-citizens-under-review/</p> <p>https://headtopics.com/my/pelan-tindakan-warga-emas-disemak-semula-kata-menteri-the-malaysian-insight-37021063</p>	<p>Malay Mail</p> <p>The Edge Markets</p> <p>Bernama</p> <p>Newswav</p> <p>New Sarawak</p> <p>Head Topics</p>	
2	<p>Parlimen: KPWKM Fokus Laksanakan Akta Gangguan Seksual – Nancy</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/23/parlimen-kpwkm-fokus-laksanakan-akta-gangguan-seksual-nancy/</p>	<p>TVSTV</p>	Neutral
3	<p>Pembentangan Cadangan Pindaan Kerakyatan Anak Lahir Di Luar Negara September Ini</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/pembentangan-cadangan-pindaan-kerakyatan-anak-lahir-di-luar-negara-september-ini/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/23/kdn-terima-688-permohonan-kewarganegaraan-anak-dilahirkan-di-luar-negara/</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/23/home-ministry-nearly-700-citizenship-applications-received-from-children-born-abroad-to-malaysian-mothers</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251081/berita-nasional/pinda-perlembagaan-bayi-lahir-di-luar-</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>The Star</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	<u>negara-dapat-kerakyatan-automatik-dibentang-september</u>		
4	<p>JPKK Tak Dapat Peruntukan Kerajaan</p> <p><u>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1080962/jpkk-tak-dapat-peruntukan-kerajaan?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</u></p>	Berita Harian	Neutral
5	<p>48,000 Wanita Terima Manfaat Subsidi Saringan Kanser Serviks, Payudara</p> <p><u>https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/23/48000-wanita-terima-manfaat-subsidi-saringan-kanser-serviks-payudara</u></p> <p><u>https://www.bernama.com/en/business/news_budget.php?id=2175827</u></p> <p><u>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/03/892260/48000-women-receive-breast-cervical-cancer-screening-benefit?utm_source=nst&utm_medium=mostpoplatest</u></p> <p><u>https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/434454</u></p> <p><u>https://headtopics.com/my/ministry-expects-48-000-women-to-benefit-from-breast-cervical-screening-the-malaysian-insight-37036370</u></p> <p><u>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/48000-wanita-terima-manfaat-subsidi-saringan-kanser-serviks-payudara-412244</u></p> <p><u>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080978/48000-wanita-terima-manfaat-subsidi-saringan-kanser-serviks-payudara</u></p> <p><u>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2175829</u></p> <p><u>https://newsway.com/article/48-000-women-expected-to-receive-breast-cervical-cancer-screening-benefit-A2303 AIY6hy</u></p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Bernamea</p> <p>NST</p> <p>The Malaysian Insight</p> <p>Head Topics</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Newsway</p>	Neutral

	<p>https://www.thesundaily.my/home/48000-wanita-terima-manfaat-subsidi-saringan-kanser-serviks-payudara-HO10786405</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2175829</p> <p>https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2023/03/23/subsidi-penjagaan-anak-untuk-pekerja-swasta-dipertimbang-2/</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/24/48000-wanita-terima-manfaat-subsidi-saringan-kanser-serviks-payudara/</p>	<p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p> <p>Sinar Harian</p> <p>TVSTV</p>	
6	<p>Subsidi Penjagaan Anak Untuk Pekerja Swasta Dipertimbang</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251131/berita/nasional/subsidi-penjagaan-anak-untuk-pekerja-swasta-dipertimbang</p> <p>https://www.msn.com/en-my/news/other/gov-t-considering-child-care-subsidies-for-private-sector-workers/ar-AA18YTyy?li=BBr8RiH</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>MSN</p>	Neutral
7	<p>Sekat Laman Porno Tak Cukup Untuk Banteras Jenayah Seks, Kata Ahli Psikologi</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/23/sekat-laman-porno-tak-cukup-untuk-banteras-jenayah-seks-kata-ahli-psikologi/</p>	<p>FMT</p>	Neutral
8	<p>Kaji Semula Tugas Pegawai JKM Tangani Bencana</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/23/kaji-semula-tugas-pegawai-jkm-tangani-bencana/</p>	<p>Harakah Daily</p>	Neutral
9	<p>Guna Duit Syiling Untuk Beli Pakaian Sekolah</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/23/guna-duit-syiling-untuk-beli-pakaian-sekolah/</p>	<p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
10	<p>Kanak-Kanak Dua Tahun Maut Jatuh Dalam Air Kumbahan</p>		Neutral

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/251073/berita/semasa/kanak-kanak-dua-tahun-maut-jatuh-dalam-air-kumbahan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/23/kanak-kanak-maut-jatuh-takungan-air-kumbahan/</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/434405</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p> <p>The Malaysian Insight</p>	
11	<p>Menteri: Lebih 4,700 Kes Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak Selesai</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/659802</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/lebih-4000-kes-kesalahan-seksual-terhadap-kanak-kanak-diselesai-MO10784811</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/lebih-5000-kes-kesalahan-seksual-kanak-kanak-dilapor-sejak-2018/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/23/akta-792-dalam-proses-pindaan-beri-perindungan-menyeluruh-kepada-kanak-kanak/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60014-akta-lindungi-kanak-kanak-perlu-semakan-semula</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/3060-kes-seksual-kanak-kanak-didakwa-di-mahkamah/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/23/lebih-3000-kes-seksual-kanak-kanak-didakwa-di-mahkamah/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2175653</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/948919/cadang-penjara-20-tahun-bagi-kesalahan-seksual-terhadap-kanak-kanak</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/23/5519-kes-kesalahan-seksual-terhadap-kanak-kanak/</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita RTM</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Bernamea</p> <p>Harian Metro</p> <p>Harakah Daily</p>	Neutral

	https://sabahnews.com.my/3060-kes-seksual-kanak-kanak-didakwa-di-mahkamah/ https://www.youtube.com/watch?v=d9xgyfyd46w https://www.youtube.com/watch?v=dRICYZJ4XIk https://www.youtube.com/watch?v=w5a_Hi5Wvg	<p>Sabah News</p> <p>Bernamea TV</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	
12	<p>Wanita Hamil Lima Bulan Maut Tercampak</p> https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/wanita-hamil-lima-bulan-maut-tercampak/ https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-hamil-lima-bulan-maut-kemalangan-EO10784752 https://www.kosmo.com.my/2023/03/23/ajal-wanita-hamil-5-bulan-ketika-dalam-perjalanan-ke-rumah-ibu/ https://www.melakahariini.my/wanita-hamil-lima-bulan-maut-kemalangan/	<p>Utusan</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Kosmo</p> <p>Melaka Hari Ini</p>	Neutral
13	<p>Lacur: Ibu Tunggal Didenda RM2,500</p> https://www.sinarharian.com.my/article/251101/berita/s-emas/lacur-ibu-tunggal-didenda-rm2500 https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lacur-ibu-tunggal-didenda-rm2500-412204 https://www.youtube.com/watch?v=cVj05zurgNs https://www.youtube.com/watch?v=hd4NSyfNPr0	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV9</p> <p>Bernamea TV</p>	Neutral
14	<p>Warga Emas Lemas Dalam Kolam Selepas Tergelincir</p> https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/warga-emas-lemas-dalam-kolam-selepas-tergelincir/ https://wartaoriental.com/2023/03/24/warga-emas-lemas-dalam-kolam-selepas-tergelincir/ https://www.melaysiakini.com/warga-emas-lemas-dalam-kolam-selepas-tergelincir-83142.html	<p>Utusan</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Melaysia Kini</p>	Neutral

	https://www.kosmo.com.my/2023/03/23/maut-tergelincir-dalam-kolam-kebun-sendiri/	Kosmo	
15	<p>Hasil Karya Cikgu Saiful Terjemah Teknik Lukisan Oku</p> <p>https://www.bernama.com/v2/bm/wilayah/news.php?id=2175591</p>	Bernamea	Neutral

PELAN TINDAKAN WARGA EMAS NEGARA DIKAJI SEMULA – NANCY

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080798/pelan-tindakan-warga-emas-negara-dikaji-semula-nancy>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) kini sedang disemak semula dalam usaha memantapkan aspek penjagaan dan kebajikan golongan itu susulan jangkaan Malaysia akan mencapai taraf negara tua menjelang 2030.

Susulan itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata kementerian akan mendapatkan pandangan dan input daripada agensi peneraju serta pelaksana bagi penghasilan PTWEN 2023-2030.

"Selaras keperluan semasa dan akan datang, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan PTWEN adalah komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif serta menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai pada sesi soal jawab lisan di Dewan Negara, hari ini.

Hoe Chai ingin tahu mengenai tindakan dan pendekatan kerajaan bagi menghadapi jangkaan Malaysia yang akan mencapai negara tua.

Selain itu, Nancy berkata, kementerian juga sedang menjalankan kajian untuk mewujudkan akta khusus bagi warga emas di Malaysia dengan kajian dilaksanakan perunding dari Universiti Malaya (UM).

"Kita juga sudah mendrafkan Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas bertujuan menjaga kesejahteraan warga emas. Jadi, pasukan projek khas sudah ditubuhkan bagi meneliti lanjut kesesuaian RUU yang dibuat itu," katanya. - BERNAMA

PARLIMEN: KPWKM FOKUS LAKSANAKAN AKTA GANGGUAN SEKSUAL – NANCY

<https://tvstv.my/2023/03/23/parlimen-kpwkm-fokus-laksanakan-akta-gangguan-seksual-nancy/>

Sumber : TVSTV



KUALA LUMPUR, 23 Mac: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberi tumpuan untuk melaksanakan Akta Gangguan Seksual pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, perkara itu merupakan antara satu daripada empat fokus kementerian.

Kata beliau, selepas KPWKM menerima bajet yang diluluskan, perbincangan untuk menyelaraskan dan memuktamadkan garis panduan bagi melaksanakan akta berkenaan akan dilakukan.

“Sebenarnya Akta Gangguan Seksual ini telah diluluskan pada 2022 dan kita hanya perlu melaksanakannya.

“Namun begitu, kita perlu mempunyai garis panduan berkenaan apa yang kita lakukan, (jadi perlu ada) satu panduan yang agak teguh dan mantap untuk dilaksanakan,” katanya kepada TVS hari ini.

Nancy berkata demikian ketika ditanya mengenai fokus yang akan dilaksanakan oleh KPWKM pada tahun ini yang diterajui oleh beliau.

Sementara itu, Nancy berkata, kementerian juga memberi tumpuan kepada entiti khas berkaitan kanak-kanak.

Katanya, menerusi Belanjawan 2023, pihaknya mahu mengasingkan isu kanak – kanak dengan isu lain di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Oleh itu, kita perlu memperhalusi mekanismenya serta langkah – langkah seterusnya terutama sekali melibatkan kewangan termasuk sumber manusia yang perlu diselaraskan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyambut baik peruntukan RM500 000 kepada Insitut Sosial Malaysia (ISM) dan dana RM1 juta kepada Tabung Kasih Rahmah Wanita akan digunakan untuk membantu golongan wanita yang memerlukan.

“Jadi kali ini, kita mempunyai peruntukan khusus untuk menangani perkara – perkara ini (wanita mangsa keganasan rumah tangga dan diabaikan keluarga).

“Selama ini tak ada, jadi ini antara perkara yang akan diberi tumpuan oleh kementerian pada tahun ini,” katanya. -TVS

PEMBENTANGAN CADANGAN PINDAAN KERAKYATAN ANAK LAHIR DI LUAR NEGARA SEPTEMBER INI

<https://www.buletintv3.my/nasional/pembentangan-cadangan-pindaan-kerakyatan-anak-lahir-di-luar-negara-september-ini/>

Sumber : Buletin TV3



KUALA LUMPUR: Sebanyak 688 permohonan warganegara bagi anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu yang juga rakyat Malaysia diterima Kementerian Dalam Negeri (KDN) sehingga kini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata jumlah itu adalah daripada keseluruhan 150,000 permohonan warganegara yang diterima pihaknya setakat ini termasuk kes membabitkan kanak-kanak tanpa negara.

Mengulas lanjut, beliau berkata, KDN meletakkan sasaran 948 permohonan warganegara di Sarawak diselesaikan pada Jun ini khususnya membabitkan komuniti yang tinggal di kawasan pedalaman dan di sempadan, melalui penubuhan pasukan khas.

“Kita yakin di luar sana masih ada yang belum masuk permohonan lagi...perkara ini (688 permohonan) adalah mengikut Perkara 15 (2) permohonan warganegara bagi anak yang lahir di luar negara oleh wanita rakyat Malaysia.

“Secara keseluruhan, kita terima 150,000 permohonan dengan kategori paling tinggi membabitkan anak tanpa warganegara atau yang lahir di luar ikatan perkahwinan.

“Ketika Perlembagaan Persekutuan dibuat pada tahun 1950-an, belum terbayang lagi kes wanita di negara kita yang merantau, bertemu jodoh, belajar dan membina kerjaya di luar negara,” katanya pada sesi soal jawab, di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Mumtaz Md Nawri (PN-Tumpat) yang mahu tahu jumlah permohonan diterima membabitkan ibu yang memohon warganegara bagi anak dilahirkan.

Pada 17 Februari lalu, kerajaan bersetuju memberikan kewarganegaraan secara automatik melalui kuat kuasa undang-undang kepada anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan pasangan bukan warganegara.

Keputusan dibuat pada mesyuarat Jemaah Menteri itu selepas meneliti dan bersetuju dengan cadangan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan terhadap Bahagian I Seksyen 1(1)(d) dan Seksyen 1(1)(e) dan Bahagian II, seksyen 1(b) dan Seksyen 1(c) Jadual Kedua.

Pada masa sama, Saifuddin Nasution berkata, kerajaan dijangka membentangkan perkembangan perbincangan mengenai cadangan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan itu, pada September ini.

Beliau berkata, kementerian juga berhasrat membentangkan perkembangan perkara ini kepada semua Ahli Parlimen dengan mengadakan sesi libat urus.

“Selaras keputusan dibuat kerajaan pada 17 Februari lalu, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan bagi mengadakan perbincangan dan kita jangka mereka memerlukan tempoh selama enam bulan.

“Ia bermaksud pada September tahun ini, kita akan dapat membentangkannya iaitu dari jawatankuasa teknikal kepada jawatankuasa Kabinet, sebelum kepada Jemaah Menteri.

“Jika semuanya berjalan dengan persetujuan, maka ia akan dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja kerana pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai warganegara perlu dipersetujui Majlis Raja-Raja. Saya optimis hal ini akan dapat disempurnakan mengikut jadual,” katanya.

Saifuddin Nasution berkata, Jawatankuasa Kabinet yang dipengeruskannya itu, ditubuhkan dengan membabitkan keahlian beberapa menteri iaitu Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Katanya, ia juga turut dianggotai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak Dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali dan Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

“Jemaah Menteri juga bersetuju membentuk Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan Ketua Setiausaha KDN dan ada keanggotaannya,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengakui ada beberapa permohonan warganegara yang akan dibuat secara laluan pantas sebagai ikhtiar untuk membantu golongan sasaran.

JPKK TAK DAPAT PERUNTUKAN KERAJAAN

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1080962/jpkk-tak-dapat-peruntukan-kerajaan?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengakui tidak menerima sebarang peruntukan bagi penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) yang diumumkan ketika pembentangan Belanjawan 2023, bulan lalu.

Bagaimanapun, Timbalan Menterinya, Aiman Athirah Sabu, berkata Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan usaha bagi membolehkan penubuhan JPKK direalisasikan dengan melaksanakan beberapa inisiatif.

Mengulas lanjut, katanya, inisiatif itu antaranya menjalinkan kerjasama rapat dengan agensi berkaitan bagi memperincikan berhubung dokumen penubuhan JPKK.

"JKM juga membuat beberapa persediaan dalam memperkasakan bahagian kanak-kanak dengan menyediakan kerangka 'quick win' bagi penubuhan JPKK yang antaranya membabitkan pegawai perundangan.

"Selain itu, bengkel penstrukturan semua bahagian kanak-kanak juga diadakan pada Januari lalu dan perbincangan pengukuhan bahagian kanak-kanak Sabah serta bengkel transformasi perkhidmatan kanak-kanak pada Februari lalu," katanya ketika menggulung perbahasan peringkat Jawatankuasa bagi kementeriannya, di Dewan Rakyat, hari ini.

Melalui Belanjawan 2023, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penubuhan JPKK di bawah JKM untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak.

Menjawab celahan dari Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang) bagaimana JPKK hendak direalisasikan tanpa sebarang peruntukan, Aiman Athirah berkata, penubuhannya baru pada fasa permulaan.

"Pembangunan JPKK memerlukan beberapa fasa, ini fasa permulaan...InsyaAllah JPKK boleh berdiri sendiri sebagai agensi penting di bawah kementerian," katanya.

Sementara itu, Aiman Athirah berkata, kementerian akan memulakan proses pemutihan bagi pusat jagaan kanak-kanak yang belum berdaftar di negara ini.

Beliau berkata, sehingga Julai lalu, sebanyak 3,061 taska dan pusat jagaan kanak-kanak sudah direkodkan berdaftar, dengan 80 lagi pusat itu akan diteruskan pembangunannya termasuk 13 projek baharu sepanjang tahun ini.

"Kementerian turut menyediakan RM15 juta bagi pinjaman mudah untuk membantu pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak," katanya.

48,000 WANITA TERIMA MANFAAT SUBSIDI SARINGAN KANSER SERVIKS, PAYUDARA

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/23/48000-wanita-terima-manfaat-subsidi-saringan-kanser-serviks-payudara>

Sumber : Utusan Borneo



KUALA LUMPUR: Seramai 48,000 wanita berisiko tinggi dijangka menerima manfaat daripada subsidi ujian mamogram dan saringan kanser serviks yang diberikan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Timbalan Menteri Aiman Athirah Sabu berkata sejumlah RM6 juta telah diperuntukkan bagi pemberian subsidi ujian mamogram dalam Belanjawan 2023, manakala RM5.5 juta diperuntukkan untuk subsidi saringan kanser serviks.

“Saya pasti peruntukan ini akan melegakan wanita terutamanya golongan berisiko dan saya percaya ia akan meringankan beban mereka yang kurang berkemampuan untuk membuat pengesanan awal kanser payudara dan serviks,” katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 bagi kementerian itu di peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat hari ini.

Sementara itu, beliau berkata KPWKM masih dalam proses memperincikan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2023.

Menurutnya sesi libat urus dan kerjasama rapat sedang diadakan dengan pihak berkepentingan bagi memperincikan serta memurnikan proses penubuhan JPKK tersebut.

“Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah membuat beberapa persediaan dalam memperkasakan Bahagian Kanak-Kanak dengan menyediakan kerangka cadangan ‘quick win’ bagi penubuhan JPKK yang melibatkan pegawai perundangan, pegawai bahagian berkaitan KPWKM, JKJ serta agensi berkaitan,” katanya.

Aiman Athirah turut memaklumkan kementerian itu akan mengadakan semula program pemutihan taman asuhan kanak-kanak (taska) dan pusat jagaan kanak-kanak yang tidak

berdaftar di seluruh negara, selain menyediakan RM15 juta sebagai pinjaman mudah untuk membantu pengusaha.

Dewan Rakyat kemudian meluluskan peruntukan berjumlah RM3.196 bilion bagi KPWKM dalam Belanjawan 2023 di peringkat jawatankuasa melalui undian suara majoriti.

Persidangan dewan bersambung Isnin depan. - Bernama

SUBSIDI PENJAGAAN ANAK UNTUK PEKERJA SWASTA DIPERTIMBANG

<https://www.sinarharian.com.my/article/251131/berita/nasional/subsidi-penjagaan-anak-untuk-pekerja-swasta-dipertimbang>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR - Kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan pemberian subsidi kepada pekerja wanita swasta bagi tujuan penjagaan kanak-kanak sekali gus memastikan lebih ramai wanita boleh bekerja selepas melahirkan anak.

Perkara itu dinyatakan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Aiman Athirah Sabu ketika sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 di peringkat jawatankuasa bagi Kementerian itu di Dewan Rakyat pada Khamis.

“Saya kira sebagai satu cadangan yang akan dipertimbangkan oleh kerajaan,” katanya.

Sebelum itu Yeo Bee Yin (PH-Puchong) menyuarakan sama ada kerajaan bercadang memberikan subsidi kepada pekerja wanita swasta bagi tujuan penjagaan anak seperti yang diterima oleh penjawat awam.

Menerusi Belanjawan 2023, kerajaan menyediakan subsidi yuran taska RM180 sebulan kepada penjawat awam yang perlu menghantar anak mereka pusat asuhan.

Kerajaan juga menaikkan had kelayakan pendapatan bulanan isi rumah yang layak untuk menerima subsidi itu daripada RM5,000 kepada RM7,000.

Dalam pada itu, Aiman Athirah turut memberitahu Dewan Rakyat bahawa tiada sebarang peruntukan bagi tujuan menubuhkan jabatan pembangunan kanak-kanak (JPKK) dalam Belanjawan 2023.

Bagaimanapun, kementerian itu menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan usaha bagi membolehkan penubuhan jabatan ini dapat direalisasikan.

“Kita tidak menerima sebarang peruntukan berkaitan dengan penubuhan jabatan pembangunan kanak-kanak,” katanya.

Meskipun begitu, jelas beliau, JKM telah mengambil inisiatif mengadakan kerjasama rapat dengan agensi berkaitan bagi memperincikan dan memurnikan dokumen penubuhan JPKK tersebut.


Katanya, usaha berkenaan adalah sebagai fasa permulaan untuk memastikan JPKK boleh berdiri sendiri sebagai salah satu agensi penting di bawah kementerian itu,

“JKM juga telah membuat persediaan dalam menguatkuasakan bahagian kanak-kanak bawah JKM dengan menyediakan rangka cadangan bagi penubuhan JPKK yang melibatkan pegawai perundangan, pegawai berkaitan kementerian, JKM serta agensi-agensi berkaitan,” katanya.

SEKAT LAMAN PORNO TAK CUKUP UNTUK BANTERAS JENAYAH SEKS, KATA AHLI PSIKOLOGI

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/23/sekat-laman-porno-tak-cukup-untuk-banteras-jenayah-seks-kata-ahli-psikologi/>

Sumber : FMT



PETALING JAYA: Dua ahli psikologi menggesa agar pendekatan yang lebih bernuansa diambil untuk menangani peningkatan jenayah seks. Menyekat akses kepada laman web pornografi, seperti yang dicadangkan oleh seorang timbalan menteri baru-baru ini tidak cukup, kata mereka.

Lihanna Borhan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan ahli psikologi tingkah laku Sitra Panirsheelum daripada klinik kesihatan mental The Mind Faculty bersetuju bahawa pornografi menyumbang kepada kesalahan seksual.

Lihanna berkata, penyelidikan menunjukkan bahawa lelaki yang mempamerkan sikap “kelelakian toksik” lebih cenderung melakukan jenayah seks jika mereka ketagih pornografi. Menurut Sitra, “penggunaan bahan pornografi berlebihan” boleh memupuk tingkah laku sadis, seterusnya membawa kepada jenayah seks.

Ketagihan pornografi harus dirawat seperti ketagihan lain, tambah mereka.

“Mereka (yang ketagih pornografi) perlu bantuan profesional,” kata Lihanna. “Menyekat laman web (pornografi) tidak akan menyelesaikan masalah. Penagih bahan lucah akan mencari cara lain untuk mengaksesnya.”

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Aiman Athirah Sabu baru-baru ini mencadangkan agar pornografi disekat dengan berkata, ia meningkatkan insiden jenayah seks.

Jumlah kes jenayah seks meningkat kepada 12,890 tahun lepas daripada 11,092 yang dicatatkan pada 2020.

Sitra berkata, ketagihan kepada bahan lucah ialah isu kesihatan mental yang memerlukan campur tangan profesional.

“Tetapi kita tidak melihatnya sebagai isu kesihatan mental. Ketagihan kepada bahan lucah adalah sama ada tabu atau suatu isu agama dalam sesetengah masyarakat dan ia tidak diendahkan.”

Namun, individu terkesan perlu tahu mereka harus mendapatkan bantuan, katanya.

Sitra berkata, berbanding bergantung semata-mata kepada kerajaan untuk mengawal selia internet, orang ramai juga harus mengamal dan menggalakkan kawal selia sendiri. Ini termasuk mendidik golongan muda tentang penggunaan internet yang selamat, tambahnya.

“Kanak-kanak wajib diajar di sekolah untuk lebih memahami perkara berkaitan dengan seksualiti, seperti persetujuan, bahaya bermain mesej berunsur seksual dan menonton pornografi ketika bawah umur.”

Penjaga dan pendidik perlu diberi kursus pendek supaya mereka boleh membimbing kanak-kanak menggunakan internet dengan selamat, katanya.

KAJI SEMULA TUGAS PEGAWAI JKM TANGANI BENCANA

<https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/23/kaji-semula-tugas-pegawai-jkm-tangani-bencana/>

Sumber : Harakah Daily



KUALA LUMPUR: Kekurangan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di kawasan bencana seperti Pusat Pemindahan Sementara (PPS) menyebabkan mereka terkesan dengan bebanan tanggungjawab yang dipikul.

Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang) ingin mengetahui adakah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berhasrat untuk menyemak semula peranan mereka.

“Adakah kerajaan berhasrat menyemak semula tugas dan tanggungjawab pegawai JKM di PPS seperti yang terkandung dalam arahan Majlis Keselamatan Negara.

“Begitu juga isu kekurangan tenaga pegawai JKM yang sangat berkesan, terutama di kawasan terlibat dengan bencana, bayangkan satu pegawai memantau hampir 10 PPS,” katanya ketika perbahasan peringkat jawatankuasa bagi KPWKM di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau juga menyatakan kebimbangan terhadap tahap kesihatan mental dan fizikal pegawai JKM.

“Saya ingin mengetahui sejauh mana usaha KPWKM berhubung isu kesihatan mental dan fizikal pegawai JKM untuk ditangani.

“Apakah insentif yang diberi kepada pegawai yang terlibat dengan bencana dan pada masa sama mereka juga bertugas menangani bencana yang berlaku,” ujarnya. – **HARAKAHDAILY 23/3/2023.**

GUNA DUIT SYILING UNTUK BELI PAKAIAN SEKOLAH

<https://malaysiagazette.com/2023/03/23/guna-duit-syiling-untuk-beli-pakaian-sekolah/>

Sumber : Malaysia Gazette



MELAKA – Terpaksa guna duit syiling dari tabung anak untuk beli kelengkapan sekolah.

Itu kepayahan terpaksa ditanggung seorang ibu tunggal, Soboh Darmi Wasrin, 42, yang bergantung kepada pencen bulanan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) arwah suami untuk menyara kehidupan mereka enam sekeluarga.

Menurutnya, walaupun anak-anaknya turut mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah RM500 sebulan, ia masih belum mencukupi untuk perbelanjaan mereka.

“Sejak arwah suami, Ramli Ismail meninggal dunia tiga tahun lalu, kehidupan kami enam sekeluarga, termasuk seorang cucu yang dibela sejak berusia dua bulan dan dianggap seperti anak sendiri betul-betul berubah.

“Saya tidak dapat bekerja kerana undang-undang Malaysia tidak membenarkan dan sejak itu hanya bergantung kepada pencen bulanan daripada Perkeso suami berjumlah RM1,800 sebulan atau daripada ihsan kawan-kawan yang simpati,” katanya ketika ditemui pemberita di rumahnya di Peringgit di sini hari ini.

Soboh yang berasal dari Jakarta, Indonesia berkata, walaupun susah, dia masih ingat pesanan arwah suami yang meninggal dunia akibat strok pada 12 Mac 2020 supaya memastikan anak-anak dan cucunya mendapat pendidikan yang sempurna.

“Sebab itu, saya sanggup gunakan duit syiling dari tabung anak untuk beli kelengkapan sekolah walaupun pada waktu itu barang dapur juga semakin berkurangan.

“Tahun ini paling mencabar kerana memerlukan perbelanjaan tinggi untuk persiapan sekolah tiga anak serta seorang cucu berusia 21 hingga 10 tahun dan pada masa perlu buat persiapan Aidilfitri.

“Namun saya masih ingat pesanan suami, makanan boleh dikurangkan tapi pendidikan perlu diutamakan untuk menjamin masa depan anak-anak dan cucunya,” katanya sebak.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh berbuat demikian melalui akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) di nombor **0440141100005366** atas nama **Soboh Darmi Wasrin**. – **MalaysiaGazette**.

KANAK-KANAK DUA TAHUN MAUT JATUH DALAM AIR KUMBAHAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/251073/berita/semasa/kanak-kanak-dua-tahun-maut-jatuh-dalam-air-kumbahan>

Sumber : Sinar Harian



PASIR PUTEH - Seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun maut selepas dipercayai terjatuh ke dalam air kumbahan dalam kejadian di Kok Lanas, Kota Bharu pada Rabu.

Kejadian pada jam 2.30 petang itu disedari oleh ibu dan bapa tirinya apabila mendapati tiada kelibat Muhammad Azim Abdul Rahim.

Ibu kepada kanak-kanak berkenaan, Nur Ain Nabihah Mohd Zamri, 24, berkata, semasa kejadian dia dan suami, Mohd Khairi Jauhari Mohd Yusuf, 36, berada di kedai roti canai milik mereka sebelum menyedari ketiadaan anak bongsu daripada dua beradik itu.

"Saya dan suami cuba mencari di sekitar kedai dan kawasan berhampiran sebelum terlintas untuk memeriksa kawasan kumbahan yang terletak dalam jarak lima meter.

"Sebaik tiba di kawasan itu saya lihat sesuatu yang pelik, lumut di dalam air kumbahan tersebut sudah tiada. Melihat situasi itu, suami telah meminta adiknya turun ke dalam kumbahan terbabit," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Lorong Pondok Haji Muhammad, Selising di sini pada Khamis.

Menurutnya, anaknya ditemui tidak sedarkan diri di dasar air sedalam 0.4 meter itu oleh adik iparnya.

Nur Ain Nabihah berkata, dia dan suami terus membawa Muhammad Azim ke Klinik Kesihatan Kok Lanas untuk mendapatkan rawatan.

"Kira-kira 15 minit selepas menerima rawatan di klinik anak disahkan telah meninggal dunia.

"Sebelum kejadian arwah berperangai pelik, dia banyak merengek seperti gelisah sedangkan sebelum ini dia tidak pernah begitu kerana seorang yang ceria serta aktif," katanya.

Jenazah kanak-kanak itu dikebumikan di Tanah Perkuburan Bukit Jawa pada jam 8.30 pagi Khamis.

MENTERI: LEBIH 4,700 KES KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK SELESAI

<https://www.malaysiakini.com/news/659802>

Sumber : Malaysia Kini



Sebanyak 4,713 kes di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) telah diselesaikan sejak 2018 hingga Januari lepas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Parlimen) Azalina Othman Said berkata dalam tempoh itu sebanyak 5,519 kes telah dilaporkan dan 3,060 kes telah dituduh dalam mahkamah.

Justeru, dia berkata penggubalan Akta 792 adalah langkah yang baik dalam membantu polis menjalankan siasatan dan pihak pendakwaan dalam merangka pertuduhan yang khusus di bawah

Akta tersebut berbanding undang-undang jenayah am yang terpakai kepada orang dewasa seperti Kanun Keseksaan.

"Ini kerana, sering kali kes kesalahan-kesalahan seksual yang melibatkan mangsa kanak-kanak ini akan mempunyai ciri-ciri kes yang unik, yang tiada di dalam kes-kes melibatkan orang dewasa. Oleh yang demikian, peruntukan di dalam Akta 792 dapat memberikan perlindungan yang lebih jitu dan menyeluruh kepada kanak-kanak," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Azalina menjawab soalan Young Syefura Othman (PH-Bentong) mengenai jumlah kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang telah dilaporkan, didakwa dan diselesaikan sejak Akta 792 dikuatkuasakan.

Katanya lagi, kerajaan sedang dalam proses membuat beberapa pindaan kepada Akta 792 bagi menambah baik peruntukan sedia ada.

Selain itu, dia berkata kerajaan juga akan meminda Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (Akta 676) bagi memperuntukkan mengenai pendengaran khas sebagai suatu lagi mekanisme iaitu keterangan saksi kanak-kanak boleh diambil dalam bentuk rakaman video supaya kanak-kanak tidak perlu menghadiri perbicaraan.

Katanya, pindaan ini juga akan memperuntukkan pemberian kuasa kepada mahkamah untuk melarang soalan-soalan tidak wajar diajukan kepada kanak-kanak bagi memastikan seseorang saksi kanak-kanak itu dapat memberikan keterangan dengan lebih tenang, lancar dan selesa.

"Semua langkah yang diambil dalam proses sistem keadilan jenayah bagi sesuatu kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak hendaklah mesra kanak-kanak," katanya.

WANITA HAMIL LIMA BULAN MAUT TERCAMPAK

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/wanita-hamil-lima-bulan-maut-tercampak/>

Sumber : Utusan



MACHANG: Seorang wanita yang hamil lima bulan maut selepas motosikal ditunggangnya hilang kawalan dan memasuki laluan bertentangan sebelum merempuh dua buah kereta di Jalan Kemuning-Bukit Bakar di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 7.13 malam itu, mangsa, Che Suriani Mahmod, 22, yang dipercayai sedang dalam perjalanan ke rumah ibunya meninggal dunia dua jam kemudian ketika menerima rawatan di Hospital Machang di sini.

Kerua Polis Daerah, Superintendan Mohd. Adli Mat Daud berkata, siasatan awal mendapati, sebuah kereta jenis Proton Wira dipandu oleh seorang pengawal keselamatan berusia 31 tahun dari arah Kuala Besut ke Kuala Krai melalui Jalan Bukit Bakar di sini.

Menurutnya, semasa tiba di lokasi kejadian, sebuah motosikal jenis Yamaha Nouvo LC yang ditunggang mangsa yang berada di arah bertentangan dipercayai masuk ke laluan.

“Keadaan itu menyebabkan pemandu kereta terbabit cuba mengelak ke sebelah kanan jalan, namun motosikal mangsa merempuh bahagian kiri keretanya.

“Motosikal ditunggang mangsa itu dipercayai turut melanggar sebuah kereta jenis Proton Persona yang dipandu seorang wanita berusia 27 tahun yang berada di belakang kereta Proton Wira itu,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohd. Adli berkata, rempuhan tersebut mengakibatkan mangsa tercampak ke tengah jalan dan mengalami kecederaan parah pada bahagian hati.

Katanya, mangsa dibawa ke Hospital Machang di sini, namun disahkan meninggal dunia kira-kira pukul 9.10 malam.

“Siasatan lanjut mendapati, nahas berlaku disebabkan kecuaiannya penunggang motosikal yang telah hilang kawalan sebelum memasuki laluan bertentangan dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987,” ujarnya.-**UTUSAN**

LACUR: IBU TUNGGAL DIDENDA RM2,500

<https://www.sinarharian.com.my/article/251101/berita/semasa/lacur-ibu-tunggal-didenda-rm2500>

Sumber : Sinar Harian

GEORGE TOWN - Seorang ibu tunggal dijatuhi hukuman denda RM2,500 oleh Mahkamah Majistret di sini pada Khamis selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melacurkan diri di sebuah hotel di sini, Ahad lepas.

Nadzirah Azizoh @ Azizam, 43, dari Jalan Pokok Sena, Kedah mengaku bersalah terhadap dakwaan melakukan perbuatan itu di sebuah hotel di Jalan Penang antara jam 2 pagi dan jam 2.25 pagi 19 Mac lepas, selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Majistret Azlan Basri turut memerintahkan tertuduh dipenjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda itu.

Sementara itu, di mahkamah yang sama dua lagi wanita, Nurul Najihah Abu Bakar, 23, dan Nor Hafiza Rosli, 32, mengaku tidak bersalah dan memohon bicara selepas pertuduhan sama dibacakan terhadap mereka.

Nurul Najihah dan Nor Hafiza masing-masing dibenarkan diikat jamin RM4,000 dengan seorang penjamin dan Azlan menetapkan tarikh 28 Jun untuk sebutan semula kes.

Di Mahkamah Majistret berasingan, dua lagi wanita Rozita Abdullah Sani, 33, dan Nurul Aniza Sarizan, 27, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan sama dibacakan terhadap mereka di hadapan Majistret R.Manomani.

Manomani membenarkan Rozita dan Nurul Aniza diikat jamin RM3,000 setiap seorang dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 April serta 28 Jun untuk sebutan semula.

Kesemua wanita itu didakwa mengikut Seksyen 372B Kanun Keseksaan, yang boleh membawa hukuman penjara tidak lebih setahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Syairah Aqilah Khalil dan M. Darrshini manakala kesemua tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan Cheah Eng Soon dan Hazarul Iqram Rozahan. – Bernama

WARGA EMAS LEMAS DALAM KOLAM SELEPAS TERGELINCIR

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/warga-emas-lemas-dalam-kolam-selepas-tergelincir/>

Sumber : Utusan



TAMPIN: Seorang warga emas meninggal dunia selepas dipercayai tergelincir ke dalam kolam kebun duriannya miliknya sendiri dalam kejadian di Jalan Batang Rokan-Gemencheh, di sini, malam semalam.

Pemangku Ketua Polis Daerah Tampin, Deputy Superintenden Amiruddien Sariman berkata, pihak polis menerima maklumat dari orang awam pada pukul 9.30 malam yang memaklumkan terdapat satu mayat lelaki terapung di dalam kolam.

Menurutnya, siasatan lanjut dijalankan mendapati mangsa berusia 79 tahun terapung di dalam kolam tadahan hujan untuk kebun durian miliknya itu.

“Kolam berkenaan sedalam kira-kira dua meter dan mempunyai tebing yang tinggi serta curam. Tiada barang mangsa yang hilang dan mangsa dipercayai keluar dari rumah pada sebelah petang untuk ke kebunnya itu.

“Mayat mangsa dibawa naik dengan bantuan pasukan bomba. Pemeriksaan ke atas tubuh mangsa juga dalam keadaan baik selain tiada kecederaan serta lengkap berpakaian. Mangsa dipercayai tergelincir di tebing yang licin dan tinggi lalu terjatuh ke dalam kolam dan lemas,” katanya hari ini.

Ujar beliau, mayat telah di bawa ke Hospital Tampin untuk proses bedah siasat dan kes buat masa ini diklasifikasikan sebagai mati mengejut.-[UTUSAN](#).

HASIL KARYA CIKGU SAIFUL TERJEMAH TEKNIK LUKISAN OKU

<https://www.bernama.com/v2/bm/wilayah/news.php?id=2175591>

Sumber : Bernama

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Beliau bukanlah orang kurang upaya (OKU) namun karya lukisannya cukup unik dan menarik perhatian ramai kerana dihasilkan bukan sahaja menggunakan tangan tetapi juga dua anggota badan yang lain iaitu kaki dan mulut.

pic-2

Begitulah kegigihan Mohd Saiful Baharom Shah, 40, atau lebih mesra disapa Cikgu Saiful yang cuba menyelami nasib golongan OKU, seterusnya diterjemahkan ke dalam teknik lukisannya.

Bakat yang dimiliki guru pendidikan seni Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Tajul Ariffin, Kuala Kangsar, Perak itu ternyata berjaya memikat jutaan hati yang teruja menyaksikan bakat melukisnya melalui perkongsian video di platform laman sosial TikTok milik beliau.

INSPIRASI DARIPADA OKU

pic-3

Menurut Cikgu Saiful, bertitik tolak daripada rasa kagum dengan bakat pelukis OKU yang masih mampu berkarya walaupun cacat anggota fizikal, beliau kemudiannya mendapat inspirasi untuk mengasah bakat melukis menggunakan tiga anggota badan berkenaan.

Baginya, jika OKU boleh mengharungi setiap kepayahan untuk melukis menggunakan anggota badan yang bukan dominan (biasa digunakan), maka ia juga seharusnya tidak mustahil bagi orang yang sempurna anggota fizikal seperti beliau untuk melakukannya.

"Kita manusia sebenarnya dikurniakan bakat semula jadi. Kita ambil contoh pelukis OKU, pada asalnya mereka memang tidak boleh melukis menggunakan kaki, namun disebabkan mereka kudung tangan, jadi terpaksa mereka belajar untuk melukis menggunakan kaki dan menggunakan hasil karya mereka untuk terus menampung kehidupan.

"Inilah yang membuka mata dan minda saya untuk menghayati jerih payah mereka dan saya harap ia dapat menyedarkan bahawa kita semua ada bakat terpendam, cuma hendak atau tidak sahaja menajamkan kemahiran itu," kongsinya yang menetap di Taman Chandan Puteri 3, Kuala Kangsar ketika dihubungi Bernama baru-baru ini.

GIAT BERLATIH

pic-4

Bapa kepada enam orang cahaya mata berusia antara empat hingga 14 tahun itu berkata, beliau memperuntukkan dua hingga tiga jam setiap hari untuk melukis menggunakan anggota badan bukan dominan tanpa jemu bagi memantapkan teknik lukisan.

"Tangan dominan saya kanan, jadi saya mula usaha untuk melukis guna tangan kiri, kedua-dua kaki dan mulut sekitar tahun 2020, memandangkan pandemik COVID-19 baru bermula dan kebanyakan masa kita adalah di rumah akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan hampir semua institusi ditutup termasuklah sekolah.

"Jika diceritakan tahap kesusahannya, melukis guna kaki kiri adalah yang paling sukar dan sangat kekok untuk dimahirkan. Paling mudah ialah tangan kanan, diikuti mulut, tangan kiri, kaki kanan dan yang terakhir kaki kiri. Jujurnya, memang sukar untuk mahirkan anggota kaki sebab kita perlu kuatkan cengkaman pensel menggunakan jari kaki. Mulut lebih mudah sebab kita boleh cengkam pensil dengan kuat menggunakan gigi," katanya.

Cikgu Saiful melakukan latihan melukis selama hampir enam bulan sebelum benar-benar yakin untuk berkongsi bakat uniknya itu menerusi rakaman video di TikTok.

"Pada awalnya, saya cuma mahirkan diri dengan lukisan karikatur seperti watak kartun Doraemon kerana ianya lebih mudah untuk dilukis serta dapat memantapkan cengkaman pensel. Setelah mahir, baru saya mula melukis potret individu dan artis terkemuka tanah air seperti Allahyarham Sudirman dan Datuk Seri Siti Nurhaliza, serta ikon besar luar negara dan bintang bola sepak termasuk Lionel Messi dan Cristiano Ronaldo.

"Lukisan inilah yang menjadi titik tolak sehingga menjadikan akaun TikTok saya mula tular dan semakin ramai peminat mula menempah hasil karya saya.

“Saya berasa amat bersyukur kerana setiap titik peluh dan usaha saya tidak sia-sia. Aktiviti ini menjadi sumber pendapatan sampingan untuk menampung keluarga saya yang besar ini," katanya yang kini mampu melukis lima karya berlainan dalam satu masa menggunakan kesemua anggota badannya yang telah ‘dilatih’ itu.

TIDAK MENANG TANGAN TERIMA TEMPAHAN

pic-5

Menurut Cikgu Saiful, beliau mampu meraih sekitar RM500 hingga RM1,000 sebulan, bergantung kepada jenis lukisan dan jumlah tempahan yang diterima daripada orang ramai.

Antara lukisan yang sering ditempah pelanggan ialah potret individu bersaiz A4 dengan menggunakan pensel pada harga sekitar RM50.

Sekiranya potret yang ditempah perlu menggunakan pensel warna, harganya boleh mencecah sekitar RM100 beserta bingkai gambar, dengan kebiasaannya hanya mengambil masa sekitar satu atau dua hari untuk disiapkan.

"Sejak tular di TikTok, berduyun-duyun orang tempah lukisan dengan saya, sampai hampir tidak terlayan kerana saya cuma akan melukis selepas selesai tugas hakiki sebagai guru. Namun kebanyakan mereka sanggup tunggu tempahan masing-masing biarpun perlu ambil masa yang lama untuk disiapkan.

"Antara karya termahal pernah dibeli pelanggan ialah sebuah potret berwarna saiz A2 oleh pasangan pengantin yang berkahwin di Perak baru-baru ini, harganya sekitar RM600.

pic-6

“Selain itu, saya juga pernah menyiapkan lukisan potret bersaiz A1 melibatkan lima keluarga besar. Bagi lukisan bersaiz A1 atau A2, harganya adalah sekitar RM300 hingga RM600 dan biasanya boleh mengambil masa seminggu hingga sebulan untuk disiapkan kerana ia lukisan bersaiz besar serta cukup rumit dan teliti," jelasnya.

Harga bagi lukisan bersaiz A3 menggunakan pensel dan berbingkai pula adalah sekitar RM150, manakala bagi lukisan berwarna sekitar RM250 dan mengambil masa kurang daripada seminggu untuk disiapkan.

Cikgu Saiful juga pada masa sama sudah mula menerima banyak tempahan sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini yang kebanyakannya lukisan potret keluarga.

“Sesebuah karya akan disiapkan berdasarkan prinsip ‘siapa dahulu’ 'first come, first serve', namun jaminan tetap diberikan bahawa karya lukisan adalah berkualiti tinggi biarpun dibuat dalam masa yang suntuk,” katanya menambah mereka yang ingin membuat tempahan lukisan boleh melayari laman Facebook dan TikTok Saiful Thaqif.